

02/05/1999

MBM pastikan Tabung BBK mencecah RM1 juta

KUALA LUMPUR: Pelbagai kegiatan membabitkan belia di seluruh negara akan dipertingkatkan sepanjang bulan Mei, bagi memastikan hasrat Tabung Badan Bertindak Kosovo (Tabung BBK) mencecah RM1 juta, tercapai.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah, berkata pihaknya sudah merancang pelbagai kegiatan bagi mengutip derma termasuk mengadakan sambutan Hari Belia peringkat kebangsaan dan negeri.

"MBM akan melipatgandakan usaha pada bulan ini bagi memastikan hasrat mengumpul RM1 juta untuk tabung yang dilancarkan sejak tiga minggu lalu tercapai," katanya pada sidang akhbar selepas melepaskan pasukan konvoi Persatuan Vespa Wilayah Persekutuan, di sini, semalam.

Kelmarin, Tabung BBK yang ditubuhkan 7 April lalu berjaya mengutip RM733,791.54, bagi meringankan penderitaan dan kesengsaraan 400,000 pelarian etnik Albania.

Tabung BBK dikelolakan kumpulan akhbar The New Straits Times Press (M) Berhad, Utusan Melayu (M) Berhad, TV3 dan MBM.

Kelab motosikal yang disertai kira-kira 40 ahli itu akan menjelajah ke beberapa negeri termasuk Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak dan Pulau Pinang, khusus bagi mengutip derma mengisi tabung BBK.

Menurutnya, aktiviti sempena bulan belia akan dimulakan dengan acara perhimpunan Hari Belia peringkat kebangsaan pada 15 Mei ini, dan akan diadakan di Stadium Nasional, Bukit Jalil.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan majlis itu dan MBM menjangkakan sejumlah 10,000 belia dari semua peringkat di negara ini akan mengambil bahagian," katanya.

Saifuddin berkata, MBM akan menggerakkan semua jentera pertubuhan yang bergabung dengan persatuan itu di semua peringkat termasuk di daerah dan negeri bagi melaksanakan program memungut derma tabung BBK.

"MBM mahu semua badan gabungan meningkatkan usaha mengumpul dana untuk tabung BBK kerana bantuan yang dikutip itu akan diserahkan pada penghujung bulan Jun ini," katanya.

Dalam perkembangan lain, butik kecantikan Avon di IOI Mall, Puchong mengadakan jualan amal bagi mengisi Tabung BBK, yang dilancarkan bulan lalu.

Pemiliknya, Zariyah Bashir berkata pihaknya akan menyumbangkan 10 peratus hasil jualan produk kecantikan Avon pada Hari Buruh ini kepada Tabung BBK.

Antara produk yang dijual termasuk bedak, pewangi, gincu bibir, maskara dan produk kecantikan kulit.

Selain jualan amal, katanya pengunjung turut dihiburkan oleh pelakon dan pelawak, Jaafar Onn.

(END)